



**YAA KETUA PENGARAH / KETUA HAKIM SYARIE**  
**Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia (JKSM)**  
Syariah Judiciary Department Malaysia  
Aras 2 – 4, Blok D7, Kompleks D  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan  
62677 PUTRAJAYA  
MALAYSIA



Tel: 603-8886 4800  
Faks: 603-8889 1621  
Laman Web: [www.jksm.gov.my](http://www.jksm.gov.my)  
E-mel: [ibrahim@esyariah.gov.my](mailto:ibrahim@esyariah.gov.my)

Ruj. Kami : JKSM.600-1/2/4 JLD3 (5)  
Takwim : 9 Rabiul Awal 1438 H  
Tarikh : 9 Disember 2016

**YAA Ketua-Ketua Hakim Syarie,  
Mahkamah-Mahkamah Syariah Negeri-Negeri.**

**ARAHAN AMALAN NO 5 TAHUN 2016**  
**Garis Panduan Prosiding *Ex Parte* Hadhanah dan Injunksi**

Saya ingin menarik perhatian YAA kepada keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Induk Arahan Amalan Mahkamah Syariah Tahun 2016 pada 24 hingga 26 Zulhijjah 1437H bersamaan 26 hingga 28 September 2016 di Hotel Wana Riverside, Melaka telah bersetuju dan mengesahkan untuk menerima pakai Arahan Amalan mengenai **Garis Panduan Prosiding Ex Parte Hadhanah dan Injunksi** seperti di **Lampiran**.

Arahan Amalan No 11 Tahun 2003, Arahan Amalan No 10 Tahun 2006, Arahan Amalan No 6 Tahun 2011 dan Surat Pekeliling Ketua Pengarah/Ketua Hakim Syarie JKSM Bil. 1/2005 adalah dibatalkan.

Arahan Amalan ini berkuat kuasa mulai 9 Disember 2016.

**(TAN SRI DR. IBRAHIM LEMBUT)**  
Ketua Pengarah/Ketua Hakim Syarie  
Jabatan Kehakiman Syariah Malaysi

Syariah Asas Keadilan



ARAHAN AMALAN NO 5 TAHUN 2016

GARIS PANDUAN PROSIDING *EX-PARTE* HADHANAH DAN INJUNSI

---

SUSUNAN TAJUK

---

1. Nama, permulaan kuat kuasa dan pemakaian
2. Tafsiran
3. Keadaan Yang Membolehkan Prosiding *Ex Parte*
4. Pemfailan Permohonan
5. Pendengaran Permohonan *Ex Parte*
6. Faktor-Faktor Yang Perlu Dipertimbangkan
7. Tempoh Kuatkuasa Perintah *Ex Parte*
8. Prosiding *Ex Parte* Tidak Boleh Berulang-Ulang
9. Kandungan Perintah *Ex Parte*
10. Tatacara Selepas Permohonan *Ex Parte* Dibenarkan
11. Prosiding *Inter Parte*
12. Hakim Yang Boleh Mendengar Permohonan Perintah *Ex Parte* dan Perintah Interim
13. Pengecualian
14. Pemansuhan

ARAHAN AMALAN NO 5 TAHUN 2016

GARIS PANDUAN PROSIDING *EX-PARTE* HADHANAH DAN INJUNKSI

**1. Nama, Permulaan Kuatkuasa dan Pemakaian**

- (1) Garis Panduan ini bolehlah dinamakan Garis Panduan Prosiding Perintah Interim Hadhanah dan Injunksi Secara *Ex-Parte*
- (2) Garis Panduan ini hendaklah mula berkuatkuasa pada tarikh penerimaannya oleh Mahkamah-Mahkamah Syariah negeri dan hanya terpakai di Mahkamah Tinggi Syariah.

**2. Tafsiran**

- (1) Dalam Garis Panduan ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang berlainan –

“*Akta*” ertinya Akta/Enakmen/Ordinan Tatacara Mal Mahkamah Syariah

“*ex parte*” ertinya permohonan, pendengaran atau perintah yang diberikan atas permintaan suatu pihak sahaja dalam keadaan kecemasan atau keadaan terdesak tanpa memerlukan notis diberikan kepada pihak satu lagi;

“*inter parte*” permohonan, pendengaran atau perintah yang diberikan setelah keterangan didengar daripada kedua-dua pihak.

“*hakim*” ertinya Hakim Mahkamah Tinggi Syariah yang dilantik di bawah Akta/Enakmen/Ordinan Pentadbiran Undang-Undang Islam / Mahkamah Syariah

“*injunksi*” ertinya suatu perintah Mahkamah kepada seseorang yang menghendakinya melakukan atau menahan diri daripada melakukan suatu perbuatan tertentu

“*perintah Interim*” ertinya suatu perintah sementara yang kuatkuasanya sehingga kausa tindakan diputuskan oleh Mahkamah;

“*Mahkamah*” ertinya Mahkamah Tinggi Syariah yang ditubuhkan di bawah Akta/Enakmen/Ordinan Pentadbiran Undang-Undang Islam / Mahkamah Syariah

“*Perakuan Segera*” ertinya satu dokumen yang difailkan oleh pemohon bagi membolehkan kesnya didengar dengan segera.

“Pendaftar” ertinya Pendaftar Mahkamah Tinggi Syariah yang dilantik di bawah Akta/Enakmen/Ordinan Pentadbiran Undang-Undang Islam / Mahkamah Syariah

“*zan al-ghalib*” ertinya tahap keterangan yang bersandarkan sangkaan yang lebih hampir kepada yakin.

(2) Semua perkataan dan ungkapan yang digunakan dalam Garis Panduan ini dan tidak ditakrifkan dalam Garis Panduan ini tetapi ditakrifkan dalam Bahagian I Akta-Akta Tafsiran 1948 dan 1967 hendaklah mempunyai erti yang diberikan kepadanya setakat yang pengertian itu tidak bercanggah dengan Hukum Syarak.

### 3. Keadaan Yang Membolehkan Prosiding *Ex Parte*

Sesuatu permohonan secara *ex parte* Perintah Interim hanya boleh dibuat dalam situasi yang mendesak yang mana pemohon, jika tidak dibenarkan membuat permohonan *ex parte*, akan mengalami ketidakadilan kerana kelambatan ataupun ketidakadilan akibat dari tindakan yang mungkin dilakukan oleh pihak lawan sebelum perintah secara *inter parte* boleh dibuat.

### 4. Pemfailan Permohonan

(1) Jika kes induk telah difailkan, hanya plaintif yang berhak menfailkan Permohonan Interim secara *ex-parte*. Walau bagaimanapun permohonan secara *inter-parte* boleh difailkan oleh kedua-dua belah pihak.

(2) Dokumen permohonan *ex parte* hendaklah sebagaimana yang ditetapkan oleh Akta/Enakmen/Ordinan Tatacara Mal dan hendaklah difailkan bersama-sama dengan suatu perakuan segera dan draf perintah *ex parte* sebagaimana Borang 1.

(3) Kandungan affidavit yang menyokong permohonan hendaklah juga mengandungi aku janji pemohon untuk membayar ganti rugi yang ditanggung oleh pihak responden, jika kemudiannya didapati bahawa perintah *ex parte* tersebut tidak patut diberikan.

## 5. Pendengaran Permohonan *Ex Parte*

- (1) Permohonan *ex-parte* hendaklah didengar dengan kadar segera dalam tempoh 24 jam.
- (2) Hakim hendaklah meneliti dokumen permohonan serta mendengar hujah pemohon dan boleh meluluskan permohonan *ex parte* tersebut dengan mengambil kira faktor-faktor yang ditetapkan oleh Garis Panduan 6.

## 6. Faktor-Faktor Yang Perlu Dipertimbangkan

- (1) Mana-mana perintah *ex- parte* Interim Injunksi secara hanya boleh diberikan setelah Mahkamah mempertimbangkan ke semua faktor-faktor yang berikut:-
  - (a) Sama ada pihak pemohon telah membuktikan kesnya pada tahap *zan al-ghalib*;
  - (b) Sama ada risiko ketidakadilan atau kerugian yang tidak boleh ditukar ganti kepada pemohon lebih besar sekiranya permohonan *ex parte* tersebut tidak diluluskan berbanding risiko ketidakadilan atau kerugian yang mungkin dialami oleh pihak responden.
  - (c) Sama ada pemohon telah membuat permohonan perintah *ex parte* dengan segera yang munasabah apabila mendapat tahu tindakan yang diadakan dan tindakan tersebut tidak boleh dilengahkan;
  - (d) Sama ada pemohon dalam masa-masa tertentu akur dengan tindakan pihak responden dan dalam keadaan seperti itu ianya akan menyebabkan permohonan *ex parte* injunksi tidak diluluskan;
- (2) Mana-mana Perintah *Ex parte* Interim Hadhanah hanya boleh diberikan setelah Mahkamah mempertimbangkan kesemua faktor-faktor yang berikut:-
  - (a) Perintah *ex-parte* hadhanah boleh diberikan setelah Mahkamah mempertimbangkan faktor bahawa ia adalah untuk menghentikan kemudaratan ke atas kanak-kanak dari segi agama, nyawa, tubuh badan, harta, akal dan/atau kebajikan.
  - (b) Mana-mana perintah *ex parte* hadhanah boleh diberikan setelah pemohon membuktikan kesnya pada tahap *zan al-ghalib*.

## 7. Tempoh Kuatkuasa Perintah Interim *Ex Parte*


Perintah *Ex parte* Interim hendaklah hanya berkuatkuasa selama tempoh yang ditetapkan oleh Mahkamah yang tidak melebihi 30 hari dari tarikh perintah tersebut dikeluarkan melainkan jika ianya dibatalkan terlebih dahulu oleh mahkamah sebelum genap tempoh berkuatkuasa perintah itu

## 8. Prosiding *Ex Parte* Tidak Boleh Berulang-ulang

Mana-mana pihak tidak boleh memohon perintah *ex parte* Interim dalam apa-apa perkara, sekiranya mana-mana Mahkamah telah pun membuat apa-apa perintah mengenainya.

## 9. Kandungan Perintah *Ex Parte* Interim

(1) Selain daripada terma perintah yang dipohon, perintah *ex parte* Interim hendaklah juga mengandungi:-

- (a) Bahawa mana-mana pihak yang terjejas boleh memohon untuk mengenenpikan perintah *ex parte* Interim semasa pendengaran *inter parte*.
- (b) Bahawa pihak pemohon bertanggungjawab untuk membayar ganti rugi kepada responden jika didapati kemudiannya perintah *ex parte* Interim tersebut tidak patut dikeluarkan. 
- (c) Tarikh pendengaran *inter parte* hendaklah dinyatakan dalam perintah *ex parte* Interim itu sebagaimana subgaris panduan 10 (3).
- (d) Tempoh kuat kuasa perintah *ex parte* Interim hendaklah dinyatakan dalam perintah itu yang tidak melebihi 30 hari.
- (e) Jika kes Induk belum difailkan, pemohon hendaklah menfailkan kes induk berkaitan dalam tempoh 14 hari dari tarikh perintah *ex-parte* dikeluarkan.

## 10. Tatacara Selepas Permohonan Perintah *Ex Parte* Interim Dibenarkan

- (1) Apabila permohonan perintah *ex parte* diluluskan, Hakim boleh menandatangani draf perintah tersebut atau meminda, mengubah, menambah atau apa-apa tindakan mengikut kesesuaian dan memeterainya setelah pindaan dan tambahan dibuat.
- (2) Perintah tersebut hendaklah sebagaimana dalam Borang 1.
- (3) Mahkamah semasa membenarkan permohonan *ex parte* hendaklah menetapkan tarikh pendengaran secara *inter parte* dalam tempoh tidak lebih 30 hari dan tidak kurang 21 hari dari tarikh perintah *ex parte* dikeluarkan.
- (4) Pemohon hendaklah menyampaikan kepada pihak responden notis permohonan *ex parte*, affidavit permohonan *ex parte* dan perintah *ex parte* dalam tempoh tujuh (7) hari dari tarikh perintah dikeluarkan dan hendaklah memfailkan affidavit penyampaian kepada mahkamah.
- (5) Kecuali dilanjutkan oleh Mahkamah, kegagalan pihak pemohon mematuhi syarat yang ditetapkan dalam sub Garis Panduan 10(4) hendaklah menyebabkan perintah *ex parte* *terbatal* apabila berakhirnya tempoh 7 hari tersebut.
- (7) Kegagalan pihak pemohon memfailkan kausa tindakannya dalam tempoh yang diperuntukkan dalam Sub Garis Panduan 9(e) hendaklah menyebabkan perintah *ex parte* *terbatal* dengan serta merta.

## 11. Prosiding *Inter Parte*

- (1) Responden selepas menerima notis permohonan *ex parte*, affidavit permohonan *ex parte* dan perintah *ex parte*, boleh memfailkan affidavit jawapan bagi tujuan mengenenpikan/membatalkan/mengubahsuai perintah *ex parte* tersebut dalam tempoh 14 hari dari penerimaannya.
- (2) Tiada affidavit balasan boleh difailkan oleh Pemohon, melainkan terlebih dahulu mendapat kebenaran daripada mahkamah.
- (3) Pada masa yang ditetapkan bagi pendengaran *inter-parte*, Mahkamah boleh, setelah meneliti semua affidavit dan hujah kedua-dua belah pihak, sama ada mengenenpi atau meminda atau mengekalkan perintah *ex parte* berkenaan sebagai perintah Interim.

(3) Prosiding *inter parte* tersebut hendaklah diselesaikan sebelum tamat tempoh kuatkuasa perintah *ex parte*. **sementara**

(4) Sekiranya pemohon tidak hadir semasa pendengaran *inter-parte*, Mahkamah boleh mengenyepikan/membatalkan/mengubahsuai perintah *ex-parte* tersebut dan jika responden tidak hadir pada tarikh pendengaran, mahkamah boleh menjadikan perintah *ex parte* tersebut sebagai perintah Interim.

## **12. Hakim Yang Boleh Mendengar Permohonan Perintah *Ex Parte* dan Perintah Interim *Inter Parte***

(1) Tiada apa-apa perintah *ex parte* dan perintah interim *interparte* boleh dikeluarkan melainkan oleh hakim yang mendengar kausa tindakan atau kes induk.

(2) Kausa tindakan yang dinyatakan dalam Sub Garis Panduan (1) hendaklah suatu kausa apabila diputuskan, maka tujuan dan matlamat yang berbangkit daripada perintah *ex parte* tidak lagi wujud.

### **MISALAN**

(a) Dalam kes perintah *ex parte* hadhanah, kausa tindakannya adalah hadhanah itu sendiri;

(b) Dalam kes perintah *ex parte* injunksi melakukan transaksi ke atas sesuatu harta sepencarian, kausa tindakannya adalah tuntutan harta sepencarian terhadap harta berkenaan.

## **13. Peralihan**

Mana-mana tindakan yang dimulakan sebelum tarikh kuat kuasa Garis Panduan ini tidaklah terjejas dan hendaklah diteruskan seolah-olah Garis Panduan ini tidak diperbuat.

## **14. Pemansuhan**

Arahan Amalan 11/2003 (Lampina 2), Arahan Amalan 10/2006 (Lampiran 3), Arahan Amalan 6/2011 (Lampiran 4) dan Surat Pekeliling Ketua Pengarah/Ketua Hakim Syarie JKSM bil. 1 2005 (Lampiran 5) dibatalkan.



**BORANG 1**

AKTA TATACARA MAL MAHKAMAH SYARIAH  
(WILAYAH-WILAYAH PERSEKUTUAN) 1998

(Subseksyen 135(3))

**PERINTAH/PENGHAKIMAN**

(Tajuk Am)

(NYATAKAN JENIS PERINTAH/PENGHAKIMAN)

Bertarikh ..... hari bulan ..... 19 .....

.....  
*Hakim/Pendaftar*

**PENGENDORSAN**

Ambil perhatian bahawa jika anda abai mematuhi perintah (atau penghakiman) ini, dalam masa yang dihadkan dalamnya, atau dalam masa empat hari selepas penyampaian perintah ini kepada anda, mengikut mana-mana yang terkemudian, maka anda melakukan suatu penghinaan Mahkamah dan dengan itu boleh dikomitkan ke penjara.

.....  
*Hakim/Pendaftar*